



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PEKELILING
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
BILANGAN 2 TAHUN 2024
PENETAPAN PEMAKAIAN PEGAWAI BAGI PENGEMASKINIAN
DIREKTORI LAMAN WEB

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Ruj. Kami: JKM/100/03/1/JLD.7 (12)

Tarikh: 25 April 2024

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah
Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur dan Labuan

PEKELILING

KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT BILANGAN 2 TAHUN 2024

PENETAPAN PEMAKAIAN PEGAWAI BAGI TUJUAN PENGEMASKINIAN DIREKTORI LAMAN WEB JKM

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkaitan Penetapan Pemakaian Pegawai Bagi Tujuan Pengemaskinian Direktori Laman Web Jabatan Kebajikan Masyarakat.

LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat Berkaitan Direktori Portal Bersama Ketua IT Negeri pada 11 Mac 2024 telah bersetuju agar Bahagian Kawalan Standard

menyediakan penetapan pemakaian pegawai bagi tujuan pengemaskinian gambar di dalam direktori JKM.

2. Penyeragaman pakaian ini termasuklah pemilihan warna tudung, warna tali leher, latar belakang gambar, saiz gambar, posisi gambar dan kesesuaian lain yang perlu bagi menampilkan imej korporat kepada semua kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

3. Sehubungan dengan hasrat tersebut, penetapan pemakaian pegawai ini disediakan agar setiap kakitangan JKM di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi dapat diseragamkan dan sekaligus mempamerkan imej korporat di dalam direktori.

PELAKSANAAN

Penetapan Pemakaian Pegawai Bagi Tujuan Pengemaskinian Direktori Laman Web Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah terpakai kepada warga kerja JKM di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi ketika sesi bergambar yang akan diadakan mengikut penempatan masing-masing.

PENETAPAN PEMAKAIAN

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web JKM pada 21 Mac 2024 telah memutuskan penggunaan warna **OREN TANGERINE** dipilih bagi tujuan penyeragaman warna pakaian kakitangan JKM pada gambar yang akan dipaparkan di direktori.

2. Pemilihan warna oren adalah sinonim dengan Jaket Oren yang seringkali digunakan oleh petugas JKM dalam menjalankan tugas di peringkat lapangan. Oleh yang demikian, warna oren dipilih bagi menampilkan imej JKM kepada masyarakat secara amnya.

3. Bagi kakitangan JKM yang memakai pakaian seragam (*uniform*), penetapan pemakaian adalah mengikut kepada perjawatan masing-masing seperti yang ditetapkan.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/ YBrs. Dr. / tuan/ puan adalah diminta untuk memastikan Penetapan Pemakaian Pegawai ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing demi meningkatkan imej korporat JKM di dalam ruangan direktori Jabatan.

masing-masing demi meningkatkan imej korporat JKM di dalam ruangan direktori Jabatan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



NORAZMAN BIN OTHMAN
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Lampiran Kepada Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2024

Ruj. Kami: JKM/100/03/1 JLD. 7 (12)

Tarikh: 25 April 2024




**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PENETAPAN PEMAKAIAN PEGAWAI BAGI TUJUAN PENGEMASKINIAN
DIREKTORI LAMAN WEB**

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)


Tajuk Dokumen: Penetapan Pemakaian Pegawai Bagi Pengemaskinian Direktori Laman Web
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
No. Dokumen: JKM/100/03/1 JLD. 7 (12)
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat Kuasa: 25 APRIL 2024



Pemakaian Bagi Pegawai Lelaki:

Latar Belakang Gambar	Warna Kemeja	Warna Blazer/ Sut	Warna Tali Leher	Tanda Nama	Ukuran Gambar
Putih	Putih	Hitam	Oren Tangerine	Wajib dipakai	50mm x 35mm


Tajuk Dokumen: Penetapan Pemakaian Pegawai Bagi Pengemaskinian Direktori Laman Web
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
No. Dokumen: JKM/100/03/1 JLD. 7 (12)
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat Kuasa: 25 APRIL 2024



Pemakaian Bagi Pegawai Perempuan:

Latar Belakang Gambar	Warna Baju	Warna Blazer/ Sut	Warna Tudung	Tanda Nama	Ukuran Gambar
Putih	Putih	Hitam	Oren Tangerine	Wajib dipakai	50mm x 35mm

Tajuk Dokumen: Penetapan Pemakaian Pegawai Bagi Pengemaskinian Direktori Laman Web
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
No. Dokumen: JKM/100/03/1 JLD. 7 (12)
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat Kuasa: 25 APRIL 2024



Pemakaian Bagi Pegawai Perempuan (Bukan Islam):

Latar Belakang Gambar	Warna Baju	Warna Blazer/ Sut	Warna Scarf	Tanda Nama	Ukuran Gambar
Putih	Putih	Hitam	Oren <i>Tangerine</i>	Wajib dipakai	50mm x 35mm

Tajuk Dokumen: Penetapan Pemakaian Pegawai Bagi Pengemaskinian Direktori Laman Web
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
No. Dokumen: JKM/100/03/1 JLD. 7 (12)
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat Kuasa: 25 APRIL 2024

Pemakaian Bagi Pegawai Beruniform:



Pemandu



**Pemandu Penyediaan
Makanan**



**Jururawat/
Pembantu Perawatan
Kesihatan**



Pengawal Kesihatan



Pembantu Operasi



Pembantu Am

Tajuk Dokumen: Penetapan Pemakaian Pegawai Bagi Pengemaskinian Direktori Laman Web
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
No. Dokumen: JKM/100/03/1 JLD. 7 (12)
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat Kuasa: 25 APRIL 2024

Peranan Pegawai Portal Bahagian/ Negeri – Berkaitan Direktori
1. Mengemaskinian direktori Bahagian/ Negeri bagi setiap pertukaran/ penempatan dalam tempoh yang segera.
2. Menetapkan sesi fotografi untuk tujuan mengambil gambar setiap pegawai di Bahagian/ Negeri.
3. Memastikan segala maklumat yang dipaparkan di dalam direktori adalah tepat dan terkini.
4. Merujuk kepada Bahagian Pengurusan Maklumat sekiranya terdapat permasalahan/ isu teknikal berhubung penjanaan direktori.